

30/08/1999

Dr Mahathir sampaikan ucaptama

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucaptama pada satu simposium antarabangsa mengenai kenapa kawalan mata wang terpilih Malaysia berhasil, minggu depan.

Menurut kenyataan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), simposium sehari itu bagi memperingati ulang tahun pertama keputusan penting Dr Mahathir menguatkuasakan beberapa kawalan mata wang terpilih di negara ini.

Simposium mengenai kawalan mata wang dan kerjasama kewangan Asia anjuran Isis dengan kerjasama Mainichi Newspapers dari Jepun itu akan diadakan pada 2 September di sebuah hotel di sini.

Pada 1 September tahun lalu, Dr Mahathir memutuskan untuk menguatkuasakan kawalan mata wang terpilih, satu keputusan berani dalam konsep, menakjubkan dari segi pelaksanaannya dan balastik dari segi reaksi yang ditimbulkannya.

Bagi keputusan itu, Perdana Menteri dan Malaysia benar-benar dikecam dalam media antarabangsa dan kecaman itu berterusan selama hampir setahun.

Menurut kenyataan itu, hanya baru-baru ini pendapat mengenai kawalan mata wang berubah dan ada kesediaan lebih besar untuk mengakui bahawa kawalan mata wang mempunyai sedikit merit dan mungkin dasar yang berdaya maju dalam situasi krisis.

Keputusan bersejarah Dr Mahathir itu membuatkan Jepun dan beberapa negara Asean menyedari bahawa tidak hanya satu sahaja organisasi, mempunyai monopoli tindak balas sesuai terhadap situasi krisis.

Kenyataan itu menyebut, perkara itu sebaliknya telah membawa kepada penyelidikan yang lebih gigih terhadap maklum balas berorientasikan Asia mengenai krisis masa akan datang.

Penasihat Khas Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara atau lebih dikenali sebagai 'Mr Yen' juga akan menyampaikan ucaptama bertajuk 'Cabaran Baru Kapitalisme Siber'.

Timbalan Perdana Menteri Thailand, Dr Supachai Panitchpakdi, yang juga Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah merupakan seorang lagi penyampai ucaptama yang akan bercakap mengenai 'Pengurusan Krisis Kewangan: Penyelidikan Rangka Kerja Berdaya Maju'.

Perbincangan panel akan dipengerusikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Isis, Tan Sri Dr Noordin Sopiee dan beberapa penceramah terkemuka akan mengambil bahagian, termasuk Penasihat Kanan Bank Dunia, Dr Amar Bhattacharya; Pengerusi Pertubuhan Dagangan Luar Jepun (Jetro), Noboru Hatakeyama dan Penasihat Menteri Perdagangan Thailand, Dr Sura Sanittanont.

Individu atau organisasi yang berminat menyertai simposium itu boleh menghubungi Meilina Puteh melalui talian 03-2939366.

(END)